

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 MEI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Inovasi Sosial	Utusan Malaysia
2	Komersialkan Inovasi luar bandar	Utusan Malaysia
3	Rekaan anak muda bantu tingkat pendapatan petani	Utusan Malaysia
4	Inovasi akar umbi diperkasa	Utusan Malaysia
5	Online training for SMEs	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 11 MEI 2015 (ISNIN)

ISNIN 11.05.15

UTUSAN MALAYSIA

Mega


Inovasi

MESIN
PEMOTONG
SAYUR »11



Idea inovasi masyarakat luar bandar jika dikomersialkan mampu meningkatkan pendapatan dan bantu negara capai status negara maju

INOVASI SOSIAL



Tujuan Dana Inovasi Sosial

- Penambahbaikan daripada Skim Community InnoFund (CIF) sedia ada di MOSTI yang diwujudkan bagi membantu kumpulan komuniti menterjemah pengetahuan dan idea kepada produk, proses dan perkhidmatan untuk mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.
- MOSTI memohon supaya Skim CIF ini mengambil kira projek yang mempunyai elemen inovasi sosial supaya projek akan memberi manfaat dan impak yang besar kepada masyarakat dapat dibiayai walaupun tiada elemen R&D yang baharu.
- Kumpulan sasaran:
 - Individu
 - Syarikat milikan tunggal
 - Syarikat SME
 - Persatuan / NGO/ kumpulan komuniti berdaftar
- Kuantum maksimum dan tempoh pelaksanaan
 - RM500,000 dan 12 bulan -Penerima Enterprise InnoFund (EIF).
 - RM50,000 dan 12 bulan -Penerima EIF Individu).
 - RM500,000 dan 18 bulan Community InnoFund (CIF)
- Mekanisma pelaksanaan
 - Teknologi diperolehi daripada pelbagai pihak termasuk hasil inovasi daripada golongan akar umbi, pemenang anugerah inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
 - Satu teknologi boleh disebarkan lebih daripada satu lokasi.
 - Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sebagai agensi pelaksana.
- Definisi Inovasi sosial merujuk kepada konsep, idea dan strategi yang membawa kepada penambahbaikan sosial pelbagai lapisan masyarakat menerusi pendekatan inovatif.
- Bagaimana MOSTI merealisasikan inovasi sosial? Peluasan skop Dana Community Innovation Fund (CIF) perlu dilakukan bagi membolehkan MOSTI membiayai projek yang mempunyai elemen inovasi sosial walaupun tiada elemen R&D yang baharu.

Komersialkan inovasi luar bandar

Mendominasi dunia dengan produk inovasi yang bernilai

Oleh LAUPA JUNUS dan AQILAH MIOR KAMARULBAID

MALAYSIA sebenarnya telah melahirkan ramai pereka inovasi dalam pelbagai bidang dan industri yang boleh diketengahkan. Namun, kebanyakan mereka hanya menyimpan produk ciptaan tersebut di rumah tanpa dikomersialkan kerana tidak mengetahui caranya. Tanpa mengetahui landasan untuk mengkomersialkan, inovasi yang dihasilkan menjadi sia-sia selain menyebabkan kerugian. Sedangkan rekaan tersebut boleh memberi pendapatan lumayan. Idea yang dilihat kecil dan dipandang ringan pada mulanya itu sebenarnya boleh memberi manfaat kepada masyarakat serta dimanfaatkan oleh industri yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Sebab itu itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi keutamaan kepada inovasi dengan menyasarkan untuk mengkomersialkan

360 produk tempatan yang berpotensi tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ini membabitkan pengkomersialan sekurang-kurangnya 60 produk inovasi pada setiap tahun sehingga 2020.

Bagi tahun lalu sebanyak 65 produk telah dikomersialkan dan dipasarkan di seluruh negara yang merupakan sebahagian daripada perancangan MOSTI untuk mencapai status negara maju.

Hari ini, pencapaian kadar pengkomersialan sebanyak empat peratus sudah boleh dianggap memadai dalam usaha pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Namun sebagai agensi peneraju dalam R&D, MOSTI mahu mencapai lebih daripada itu. Inovasi tersebut sampai ke tangan masyarakat.

Menerusi tindakan yang boleh diibaratkan serampang dua mata MOSTI pada tahun ini memperhebatkan usaha



COMPOSTECH antara inovasi yang dihasilkan Technology Park Malaysia (TPM) Engineering telah dimanfaatkan oleh pengguna.

pengkomersialan beberapa produk yang biasa disebut *indigenous technology* atau teknologi luar bandar supaya dapat digunakan oleh orang ramai.

Lebih penting, orang yang mereka cipta produk berkenaan akan mendapat pulangan dan kreativiti serta inovasi mereka dihargai.

Sejak beberapa tahun lalu, sebanyak 1,365 inovasi ini ditemukan menerusi Jejak Inovasi yang dianjurkan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

Daripada jumlah itu, 54 inovasi telah melalui penilaian terperinci oleh pakar. Hampir 30 menerima bantuan hingga ke tahap prapengkomersialan.

Antara yang ditemukan semasa program diadakan di Sabah ialah makanan tradisional atau *serunding* tahu dan mesin pelera padi.

Justeru, pengenalan program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) yang diumumkan oleh Kementerian berkenaan baru-baru ini amat tepat pada masanya dalam usaha mengangkat martabat inovasi akar umbi yang dihasilkan pereka luar bandar.

Inisiatif seumpama itu pernah diperkenalkan sebelum ini menerusi TAP@MOSTI melibatkan pengkomersialan semua inovasi yang dihasilkan oleh agensi kementerian berkenaan.

Kerana itu, MSI amat penting sebagai salah satu elemen dalam peluasan skop dana bagi menyediakan landasan kepada pereka tempatan mengkomersialkan produk ciptaan mereka.

Malah, menerusi pengenalan inovasi baharu, mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pembekal teknologi menjelang 2020.



PEMENANG Anugerah Inovasi (AIN) kategori sekolah, SK Tarcisian Convent, Ipoh yang telah mencipta alat memalut buah dengan kaedah yang cepat dan murah.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 11 MEI 2015 (ISNIN)



INOVASI
mesin
pelera padi
di Sabah.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Dr. Ewon Ebin** berkata, MSI bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga meningkatkan keupayaan individu melalui kerjasama dengan pelbagai pihak.

"Majoriti program inovasi sosial yang berjaya di dalam dan luar negeri melibatkan kerjasama erat antara individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Kreativiti dan Science4U Zon Tengah, di Putrajaya baru-baru ini.

MSI meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial rakyat.

Ewon mengakui akan kepentingan mengkomersialkan inovasi luar bandar kerana membantu penciptanya meningkatkan pendapatan.

Beliau berkongsi satu kejayaan seorang penduduk kampung di Sabah yang berjaya menghasilkan tuhan.

"Pada peringkat awal pendapatan pengeluar tuhan berkenaan hanyalah RM2,000 sebulan tetapi selepas dikomersialkan dan diberi nilai tambah, dia dapat RM10,000 sebulan," ujar beliau.

Oleh itu pelancaran dana MSI untuk mengkomersialkan inovasi akar umbi merupakan satu lagi usaha MOSTI



EWON EBIN

memberi penghargaan kepada penginovasi luar bandar.

Tambahnya, kerajaan memperuntukkan RM20 juta daripada jumlah dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) bagi menajayakan program jangkaan luar ke peringkat akar umbi tersebut.

Dana diperkenalkan bertujuan mempertingkatkan inovasi yang dijejaki supaya aplikasinya lebih meluas dan faedah sosialnya berganda.

Dalam perkembangan lain, Ewon berkata, penganjuran program Karnival dan Kreativiti dan Science4U yang merupakan program di bawah Dekad Inovasi (2010-2020) berlangsung selama tiga hari bermula 16 April lalu dan kali ketiga pada tahun ini selepas diadakan di peringkat Zon Selatan dan Utara.

Karnival tersebut menampilkan 21 aktiviti menarik seperti Cabaran Inovasi Inklusif 2016 anjuran YIM yang menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM27,000 kepada pencipta yang berjaya menampilkan inovasi terbaik.

Selain itu, turut diadakan pencarian bakat baharu dalam penyampaian berita ramalan cuaca anjuran Jabatan Meteorologi Malaysia selain ceramah eksekutif bersama Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan kartunis terkenal, Datuk Mohammad Nor Khalid ataupun lebih dikenali sebagai Datuk Lat.

Rekaan anak muda bantu tingkat pendapatan petani

MEMBESAR dalam keluarga petani dan melihat dengan mata sendiri penat lelah seorang petani untuk mencari nafkah, memberi ilham buat Pengasas bersama Tanimac Group, **Mohammad Fitri Othman** bagi meringankan beban yang ditanggung oleh golongan tersebut.

Memikirkan setiap tenaga yang perlu dikerah bagi mencari sesuap nasi untuk anak, isteri mahupun kepada masyarakat membuatkan dia terfikir bagaimana cara untuk meringankan beban golongan petani.

Berbekalkan minat yang mendalam serta suntikan kemahiran daripada tiga lagi adik-beradiknya, Mohammad Fitri tidak menoleh ke belakang untuk menghasilkan satu produk yang membantu kehidupan petani.

Niat untuk mengubah kehidupan golongan tersebut, membuka lembaran baharu dalam hidupnya untuk terus berbakti dan menghasilkan produk yang bukan sahaja mampu menjana kehidupan lebih selesa buat

petani sebaliknya struktur tanah terpelihara tanpa penggunaan bahan kimia.

Menurutnya, menyemai benih merupakan satu aktiviti penting dalam proses penyediaan bahan tanaman yang berkualiti.

Melalui teknik yang betul mampu membebaskan anak benih daripada serangan perosak yang menjadi punca kerosakan pada tanaman.

Sekiranya dilakukan dengan cara yang betul akan menghasilkan anak benih dan anak pokok yang baik dan sihat serta menjamin hasil pulangan yang tinggi.

Ciptaan bekas penyemaian benih keluaran syarikatnya itu merupakan satu alternatif kepada petani untuk menggantikan alat konvensional sedia ada.

Katanya, melalui bekas penyemaian benih tersebut bukan sahaja memberi hasil sehingga 20 kali ganda lebih pantas malah memendekkan masa penyemaian antara 15 hingga 20 minit.

Ciptaannya itu menggunakan motor tunggal untuk menarik anak benih satu demi satu ke lubang mikro bagi memastikan biji benih melalui proses penyemaian.

"Penggunaan kuasa vakum bertujuan untuk mengasingkan biji benih ke lubang bagi menjalankan proses penyemaian.

"Proses pengasingan tersebut amat mudah dan tidak memerlukan masa yang lama. Dalam pada itu, bijih benih juga dapat dijimatkan kerana satu lubang mikro hanya memuatkan satu benih," katanya yang ditemui pada sesi penilaian Pertandingan Inovasi Inklusi sepena Karnival Kreativiti dan Science 4U Zon Tengah di Putrajaya, baru-baru ini.

Antara tanaman yang sesuai menggunakan bekas penyemaian benih itu adalah cili, kubis dan salad.

Tambahnya, rekaan tersebut mula dicipta sejak dua tahun lalu bersama adik-beradiknya dan akan mula dilancarkan pada bulan ini.

MOHAMMAD FITRI OTHMAN menunjukkan mesin menyemai benih keluaran syarikatnya.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 11 MEI 2015 (ISNIN)

sains



JUNJUNG yang dihasilkan pelajar dan memenangi Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2012.

GAJET Rural Emergency Medical System yang dibangunkan Agensi Angkasa Negara.

Inovasi akar umbi diperkasa



MESIN tart gulung yang dihasilkan TPM Engineering.

MOSTI teruskan usaha komersialkan inovasi luar bandar

SEJAK penambahan nama 'Inovasi' pada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) lebih 10 tahun lalu, kementerian berkenaan bakaikan satu jentera yang menjadi penggerak dan peneraju pembangunan produk untuk manfaat masyarakat.

Satu daripada program tersebut adalah Program Aplikasi Teknologi (TAP @MOSTI) yang bermatlamat membangunkan inovasi luar bandar dan benar-benar memberi makna kepada pereka ciptanya selain dapat digunakan oleh masyarakat.

Ini kerana, banyak inovasi yang dihasilkan ketika era tersebut dan tidak terhenti begitu sahaja. Kini kementerian berkenaan tampil dengan Inovasi Sosial MOSTI (MSI) yang boleh dianggap sebagai kesinambungan kepada program terdahulu.

Pengenalan MSI merupakan salah satu elemen dalam peluasan skop dana yang akan membantu aktiviti pengkomersialan.

Melalui peluasan skop pendanaan ini, dana prapengkomersialan yang diurus oleh MOSTI boleh digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti yang boleh membantu meningkatkan tahap *commercial readiness* produk-produk R&D.

Pada tahun ini sahaja, terdapat 16 contoh inovasi sosial yang telah dihasilkan dan berpotensi untuk dikomersialkan dan dapat membantu golongan sasar.

Antara inovasi tersebut termasuklah:



TEKNOLOGI	AGENSI
Teknologi Minyak Kelapa Dara	MIGHT Advanced Manufacturing Institute
Penanaman menggunakan teknologi Fertigasi dan secara organik	Agensi Nuklear Malaysia
Teknologi pengeringan hasil tuai & laut	Sirim Berhad
Junjung PVC	Finalis Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2012 Mohamad Nur Asraf Mat Saad
Automasi pengeluaran produk makanan	Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM)

Selain itu, sepanjang tahun 2014, MOSTI mencapai pelbagai pengiktirafan di dalam dan luar negara. Antara anugerah-anugerah utama yang telah diterima oleh MOSTI menerusi agensinya pada tahun 2014 adalah:

- Di bawah pengiktirafan Ikon Pengurusan Projek 2014 oleh Ketua Setiausaha Negara, MOSTI menduduki tempat pertama bagi Kategori Projek Bukan Fizikal dan tempat kedua bagi Lawatan Turun Padang Terbaik;
- Agensi Nuklear Malaysia menerima Anugerah Pembaikbakaan Mutasi Tanaman daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA);
- MetMalaysia (Jabatan Meteorologi) memenangi Anugerah Kecemerlangan Geospatial (AGK 2014) melalui projek Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran (FDRS);
- Agensi Remote Sensing Malaysia memenangi Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIIC 2014) melalui projek Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI);
- CyberSecurity Malaysia berjaya menduduki tempat ketiga dalam Tahap Global Indeks CyberSecurity Global oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) 2014; dan
- Agensi Angkasa Negara memenangi pingat emas di Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Menerusi Pameran (iComEx'14) dan Pameran Reka Bentuk, Inovasi dan Artikulasi Antarabangsa 2014 (i-IdeA2014) melalui projek Sistem Kecemasan Perubatan Luar Bandar (REMS).

KERATAN AKHBAR
THE STAR (SPOTLIGHT) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 11 MEI 2015 (ISNIN)

Online training for SMEs

About 1,800 small and medium enterprises (SMEs) and individuals are set to benefit from training programmes on online business operations jointly conducted by SME Cloud Sdn Bhd and MYNIC Bhd.

"The initiative is aimed at heightening awareness among the Malaysian business community on the importance of having an online business identity with the right channel and medium," Technology Park Malaysia said in a statement.

SME Cloud, a cloud-based mobile applications developer, is an incubatee of Technology Park Malaysia's Innovation Incubation Centre. MYNIC, an agency under the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia, is the sole administrator for web addresses that end with ".my" in Malaysia.
- Bernama